

09 MAY 1996

Razaleigh-Reaksi (Anwar)

ANWAR SAMBUT BAIK PENYERTAAN SEMULA KU LI DALAM UMNO

KUALA LUMPUR, 9 Mei (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menyokong kemasukan semula Tengku Razaleigh Hamzah ke dalam Umno asalkan ia tidak mewujudkan satu puak dalam parti.

Katanya, demi kebaikan parti setiap anggota Umno harus mengambil sikap terbuka dan membuka ruang untuk semua orang Melayu menyertai parti itu.

Anwar yang juga Timbalan Presiden Umno berkata, beliau telah dimaklumkan terlebih awal mengenai pertemuan Perdana Menteri dan Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan Tengku Razaleigh.

"Saya memberi pandangan (kepada Perdana Menteri) bahawa saya menyokong (kemasukan Tengku Razaleigh) asalkan ia tidak menjadi satu `faction' (puak) dalam parti. Oleh yang demikian, bagi saya ia tidak menjadi masalah," katanya kepada pemberita selepas merasmikan bangunan ibu pejabat korporat Koperasi Usaha Bersatu Malaysia Bhd (KUB) di Pekeliling Business Centre di sini.

Dr Mahathir lewat malam tadi membuat pengumuman mengejut bahawa Tengku Razaleigh, bekas Naib Presiden Umno yang kini menerajui parti serpihan Parti Melayu Semangat 46 (S46), menemuinya pada malam Selasa dan menyatakan hasratnya untuk menyertai semula Umno.

Ditanya sama ada kemasukan semula Tengku Razaleigh akan menggugat kedudukannya dalam parti, Anwar berkata; "Saya tidak mahu kelihatan terlalu yakin, tetapi saya rasa perkara itu tidak menjadi satu isu. Prinsip yang dipegang selama ini ialah setiap orang Melayu dialu-alukan menyertai parti Umno."

Kata Anwar, tindakan Tengku Razaleigh itu baik untuk perpaduan orang Melayu.

Bagaimanapun, beliau tidak tahu sama ada Tengku Razaleigh akan menyertai semula Umno menjelang ulang tahun ke-50 Umno Sabtu ini ataupun selepas itu.

Di PETALING JAYA, anggota Majlis Tertinggi Umno Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi juga menyambut baik kemasukan semula Tengku Razaleigh ke dalam Umno.

"Kalau dia mahu menyertai semula (Umno), eloklah dan dia pun telah menyatakan bahawa semangatnya masih semangat Umno," kata Abdullah kepada pemberita selepas merasmikan Forum Hal Ehwal Antarabangsa Untuk Diplomat Muda Asean 1996 di Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri di sini.

Abdullah, Menteri Luar, berkata Umno mengamalkan dasar pintu terbuka kepada mana-mana orang Melayu yang menerima perlembagaan dan cara Umno.

"Saya percaya kalau kemasukan beliau dibuat atas asas itu, tidak ada masalah yang saya lihat," katanya.

Langkah Tengku Razaleigh itu juga akan memperkukuhkan perpaduan Melayu pada masa akan datang sekiranya ia bermakna S46 tidak wujud lagi selepas ini.

Sementara itu, Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapa Mohamed berkata beliau yakin Umno dapat menawan semula Kelantan pada pilihan raya akan datang dengan penyertaan semula Tengku Razaleigh dan anggota S46 yang lain ke dalam parti itu.

"Berdasarkan pilihan raya lepas, Barisan Nasional mendapat 46 peratus undi manakala S46 mendapat 15 peratus undi di Kelantan...melihat kepada perangkaan itu, potensi untuk itu (menawan semula Kelantan) adalah amat cerah," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program Usahawan Muda ESSO di sini hari ini.

Sehubungan itu, beliau turut menyeru anggota S46 lain mengikut langkah pemimpin mereka menyertai semula Umno.

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa pula yakin kemasukan Tengku Razaleigh dapat mengubah suasana politik yang unik di Kelantan.

"Masa depan Kelantan cerah dengan adanya persefahaman antara pemimpin dan saya secara peribadi berharap Tengku Razaleigh kembali kepada Umno seberapa cepat," katanya kepada pemberita selepas melancarkan logo Baktidesa dan menyaksikan upacara menandatangani memorandum persefahaman syarikat-syarikat rakan Baktidesa di sini hari ini.

Beliau berharap seluruh anggota Umno membuka pintu kepada anggota S46 yang lain yang ingin memasuki Umno dan mereka tidak perlu ragu atau sangsi kepada anggota S46 yang ingin berbuat demikian.

Ketika ditanya kemungkinan Tengku Razaleigh diberi jawatan apabila memasuki Umno, beliau berkata itu hak Perdana Menteri.

"Saya tidak fikir Tengku Razaleigh inginkan jawatan...saya rasa dia ikhlas," kata Annuar yang juga Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan.

Di SEREMBAN, Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad berkata kemasukan semula Tengku Razaleigh ke dalam UMNO bukan sahaja akan membawa kebaikan kepada rakyat Kelantan tetapi juga perpaduan orang Melayu secara keseluruhannya.

"Kini tiada lagi parti serpihan UMNO yang secara tidak langsung boleh menggugat perpaduan orang Melayu di negara ini", katanya kepada pemberita selepas merasmikan majlis pecah tanah projek perumahan Desa Ixora II di Senawang hari ini.

Beliau berkata, UMNO akan bertambah kukuh kerana tindakan Presiden S46 itu akan turut sama menarik anggota parti yang lain menyertai semula UMNO.

Mohamed Isa berkata, tindakan Tengku Razaleigh itu secara tidak langsung juga akan membawa kepada perpecahan Angkatan Perpaduan Ummah (APU) yang selama ini dipelopori oleh S46 dan Pas.

Di PULAU PINANG, Timbalan Ketua Menteri Datuk Mohd Shariff Omar berkata penyertaan semula Tengku Razaleigh dalam Umno menjadi petanda baik untuk memantapkan lagi perpaduan orang Melayu di seluruh negara.

"Penyertaan Tengku Razaleigh ke pangkuan Umno bukan sahaja harus dilihat sebagai perpaduan orang Melayu di Kelantan tetapi ia memang baik untuk orang Melayu di seluruh negara", kata beliau.

Shariff berkata, beliau juga akan mengadakan perjumpaan dengan pemimpin S46 di sini, Datuk Yusoff Abdul Latiff, bagi membincangkan perpaduan orang Melayu di negeri ini.

Yusoff ialah bekas Pengerusi Badan Perhubungan S46 negeri dan kini menjadi anggota majlis tertinggi parti itu.

"Saya telah menghubungi Yusoff dan beliau juga telah memberi maklumat balas yang baik bagi membincangkan masalah perpaduan orang Melayu di negeri ini," katanya.

Di IPOH, Menteri Besar Perak Tan Sri Ramli Ngah Talib berkata penyertaan semula Tengku Razaleigh, yang merupakan tokoh lama Umno ke dalam parti akan menambah kekuatan orang Melayu dalam politik tanah air dan luar negara.

"Umno memang memerlukan penyatuan bangsa Melayu dan anggota S46 harus mengambil iktibar bahawa dengan kemasukan mereka beramai-ramai sahaja akan menguatkan bangsa Melayu dan memantapkan perjuangan serta usaha membangunkan mereka," katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini hari ini.

Ramli, yang juga pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri berkata, dalam menghadapi ulang tahun ke-50 Umno, berita kemasukan Tengku Razaleigh dan pengikutnya membawa "satu lagi titik bermakna" kepada perpaduan bangsa Melayu.

"Kesedaran mereka sangat dialukan dan diharap orang Melayu yang

menganggotai parti pembangkang yang lain akan turut mengikuti jejak langkah mereka demi kepentingan bangsa Melayu dan agama," katanya.

Di MELAKA, Badan Perhubungan UMNO Melaka menyambut baik penyertaan semula Tengku Razaleigh ke dalam Umno dan menyifatkannya sebagai keyakinan Razaleigh bahawa perjuangan orang Melayu di dalam politik hanyalah menerusi Umno sahaja.

Pengerusinya Datuk Seri Mohd Zin Abdul Ghani yakin Umno akan bertambah kuat dengan kemasukan Razaleigh.

Ketika ditemui pemberita di pejabatnya hari ini, Zin yang juga Ketua Menteri Melaka berharap anggota S46 di negeri ini akan mengikuti jejak Razaleigh.

Zin menjangka tidak akan timbul sebarang masalah "perebutan kuasa" di dalam Umno dengan penyertaan Razaleigh dan ia merupakan satu berita baik menjelang sambutan ulang tahun ke-50 Umno.

-- BERNAMA

NO NMO